Pilih jawapan berimbuhan yang betul.

Laporan Aktiviti Gotong-Royong SJKC Serdang Baru 2

Unit beruniform SJKC Serdang Baru 2 telah (1) (mengadakan / diadakan) gotong-royong di sekolah. Antara unit beruniform yang (2) (melibatkan / terlibat) ialah Persatuan Pengakap, Persatuan Bulan Sabit Merah dan Kadet Remaja.

Semua murid (3) (membahagikan / dibahagikan) kepada empat kumpulan. Kumpulan pertama diketuai oleh Cikgu Hoh. Mereka (4) (menugaskan / ditugaskan) membersihkan habuk, mengelap tingkap dan membuang sampah. Kumpulan kedua diketuai oleh Cikgu Wong. Mereka ditugaskan untuk (5) (membaiki / dibaiki) perabot-perabot sekolah yang telah rosak.

Tugas kumpulan ketiga pula ialah membersihkan longkang-longkang yang (6) (disumbat / tersumbat) dan dipenuhi sampah sarap. Kumpulan ini diketuai oleh Cikgu Rahman. Kumpulan (7) (berakhir / terakhir) iaitu kumpulan keempat diketuai oleh Cikgu Shanti ditugaskan untuk membuat mural di dinding untuk (8) (mencantik / mencantikkan) lagi sekolah.

Semua murid dan guru memberi kerjasama dalam (9) (diselesaikan / menyelesaikan) tugas masing-masing. Aktiviti gotong-royong tamat pada pukul 12.00 tengah hari. Guru Besar (10) (mengucapkan / berucap) terima kasih kepada murid-murid yang terlibat.

Disediakan oleh, 5 JANUARI 2021.

Bao Qi

(CHAI BAO QI)
Setiausaha,
Aktiviti Gotong-Royong SJKC Serdang Baru 2.

Disediakan oleh hlp.edupassion@gmail.com

LIVEWORKSHEETS